

TINGKAT EMPAT

Chedet.co.cc

February 16, 2009

By Dr. Mahathir Mohamad

1. Terdapat kegelisahan di Tingkat Empat. Selama lima tahun lebih, Tingkat Empat kadang-kadang lebih berkuasa daripada Kabinet atau Majlis Tertinggi UMNO. Mereka dapat tentukan dasar dan tindakan Kerajaan. Menteri-menteri kerap meminta pertolongan mereka dan pegawai tinggi Kerajaan merujuk kepada mereka sebelum membuat keputusan. Kontraktor melobi dengan mereka untuk mendapat kontrak dan pelabur juga mengguna khidmat mereka untuk mendapat kelulusan.
2. Dalam semua ini terdapat banyak peluang untuk memperkayakan diri.
3. Sesungguhnya tidak ada yang lebih memuaskan nafsu daripada kuasa tanpa tanggungjawab.
4. Malangnya, jika benarlah Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi letak jawatan pada bulan Mac maka segala-gala kuasa ini akan hilang. Ini adalah satu malapetaka bagi Tingkat Empat. Apakah nasib mereka selepas Mac? Apakah mereka akan berdiam diri dan membenar malapetaka ini timpa mereka dengan begitu sahaja? Tidak adakah sesuatu yang boleh dilakukan oleh mereka untuk menangkis musibah ini?
5. Seperti biasa, terdapat banyak berita angin akan perancangan mereka. Jika boleh, mereka akan halang peralihan kuasa, sekurang-kurangnya buat sekian lama.
6. Kata berita angin mereka sedang menasihati Dato Seri Abdullah supaya tidak letak jawatan apabila sahaja Dato Seri Najib Razak jadi Presiden parti. Kata mereka tidak semestinya Presiden parti jadi Perdana Menteri. Ini bukan syarat dalam perlembagaan negara. Ia hanya amalan parti tanpa peruntukan tertulis. Yang menentu segala-galanya ialah Perdana Menteri. Jikalau Perdana Menteri tidak letak jawatan itu haknya, sepertimana memilih menteri atau timbalan perdana menteri adalah haknya. Biasa terjadi yang dipilih menjadi Timbalan Perdana Menteri bukan Timbalan Presiden UMNO.
7. Apakah Najib akan memberontak? Tidak. Jika ia ternampak akan memberontak ada cara untuk melawannya. Jika dapat dicituskan keadaan tertentu, seperti rusuhan atau huru-hara, ini boleh dijadikan alasan untuk Dato Seri Abdullah tidak letak jawatan. Ramai ahli UMNO dan ahli Majlis Tertinggi pasti akan sokong Dato Seri Abdullah. Mereka semua terhutang bukan sahaja budi kepadanya.
8. Mungkin ada antara ahli UMNO yang menentang kuat dan bercadang untuk mengadakan undi tidak percaya dalam parti atau dalam Parlimen. UMNO boleh ditangani melalui cara biasa. Jika terpaksa hilang berjuta pun tak mengapa kerana kuasa Tingkat Empat boleh menampung dengan punca-punca yang sudah ada. Apa gunanya wang jika kuasa untuk mendapatnya sudah hilang?
9. Jika ahli Parlimen pula bercadang untuk mengadakan undi tidak percaya dalam Parlimen, ini tidak mungkin berjaya. Sebahagian daripada ahli Parlimen BN mungkin tidak akan sokong tindakan ini. Ahli parti lawan memang hendak Dato Seri Abdullah terus jadi Perdana Menteri. Mereka telah pun menyatakan sokongan mereka. Hadi Awang, Karpal Singh dan Anwar Ibrahim telah menyatakannya secara terbuka.
10. Dengan sokongan ahli parti lawan kepada Dato Seri Abdullah, sukar bagi BN mendapat cukup bilangan untuk meluluskan undi tidak percaya.
11. Jika undi tidak percaya dalam Parlimen tidak berjaya, Abdullah akan jadi PM yang amat lemah, kerana memerlukan sokongan parti lawan untuk meluluskan sebarang undang-undang yang dibawa ke dewan rakyat.
12. Kita sudah lihat bagaimana kelemahan Kerajaan pimpinan Abdullah telah memberanikan semua pihak untuk membangkitkan berbagai kontroversi yang mengugat kestabilan Negara. Keadaan Negara akan hampir kepada tahap tidak ada Kerajaan dan tidak ada undang-undang apabila Kerajaan Abdullah

menjadi lebih lemah.

13. Di masa yang sama Negara akan hadapi krisis kewangan dan ekonomi yang lebih teruk dari 1997-1998. Pentadbiran yang lemah tidak mungkin tangani kemerosotan ekonomi yang jauh lebih teruk dari 1997-98. Rakyat akan menderita kerana peningkatan pengangguran dan bankrap. Jenayah akan bertambah dan keselamatan negara akan terganggu.

14. Bagi Tingkat Empat huru-hara dalam Negara tidak mengapa asalkan mereka dapat kekal sebagai kuasa dibelakang Perdana Menteri.

15. Mungkin cerita-cerita berkenaan usaha Tingkat Empat untuk mengekalkan Abdullah sebagai Perdana Menteri selepas Najib jadi Presiden UMNO hanya rekaan orang-orang tertentu, wallahuwaalam. Demikian jugalah dengan Labu. Si-Luncaai pun terjun dengan segala-galanya.

24 Comments

By s arasuAuthor Profile Page on February 16, 2009 7:51 PM

A figment of your imagination?? A fruitless speculation that merely shows a mind that is unnecessarily obsessed with getting a fairly elected Prime Minister out of office
By poziabbAuthor Profile Page on February 16, 2009 7:52 PM

Salam TUN...

Bolehkah TUN menamakan sesiapa yang berada di Tingkat Empat? Zaman TUN takdak Tingkat Empat ka?

By lcclckAuthor Profile Page on February 16, 2009 8:06 PM

dear sir,

this sotry was around for some months already!!

Now with latest drama against a lady exco, we can expect more.

Be patient, and we shall have more to watch!!

Best regards,

PL

By ZENAAuthor Profile Page on February 16, 2009 8:19 PM

Salam Tun,

Adohai, budak budak tingkat empat sangat sombong dan powerful kini sampai Pak pun takut teguh mereka sampai kini. Betul anak anak kurang sopan di tingkat empat tak kisah pasal rakyat jelata asal boleh cari kekayaan kroni kroni mereka dan keluarga sendiri lah.

Orang Cina bilang nombor 4 bermaksud "MATI" iaitu tingkat mati, manakal orang Melayu bilang nombor 4 bermaksud "RELAX" goyang kaki tanpa kerja sebab kekayaan and kuasa dari Pak kasi lah. Alangkah senang hati anak anak tingkat 4 yang gila gila kuasa dan main api api politik sini sana. Rakyat gelar tingkat 4 itu syurga "Little Nopolean" di Malaysia.

Adoihai, Sodomy Pak DSAI tak habis di landa pulak cerita cerita panas nude ADUN Selangor pulak selepas dua ADUN Pakatan Rakyat di landa tsunami skandal bygami dan khalwat pulak. Apakah itu

perbuatan budak budak kurang ajar pihak lawan untuk munaskan PR di Selangor dan Kedah pulak. Apakah wahai Najis tak malu mau jadi PM di gelar ketua perampas kuasa di Perak . Malu kalau di padan dunia luar bahawa tindakan waiting PM rampas kuasa di Perak dan tuduhan skandal skandal nude lucah dan sek terhadap wakil wakil rakyat PR di dimainkan oleh pihak lawan. Pihak lawan takut bertanding di BALLOT BOX tapi pakai taktik lucah, korupsi dan rampasan kuasa untuk memang pulak. Malu, Malu, Malu. Rakyat ditindas lagi...mana Demokrasi Rakyat!! Adohai! Malaysia BOLEH.
By bzzAuthor Profile Page on February 16, 2009 8:20 PM

Tun,

Saya baca akhbar, gambar paklah tanam pokok dimuka hadapan, tapi yang bekerja keras utk ekonomi, tidak ada gambarnya. Kalau ada berita pun kecil. Sampai orang tak tahu apa perkhabarannya. Harapkan penyokong PR baca akhbar, lagilah tak ada...
By mediakiniAuthor Profile Page on February 16, 2009 8:21 PM

askum Tun,

ya tun, perkara ini juga amat merisaukan saya. perkara ini boleh menjejaskan keamanan negara kita. saya harap tun akan terus bersuara. Harap Paklah akan berhenti bulan mac nanti.
By MKMAuthor Profile Page on February 16, 2009 8:21 PM

SELAMAT MALAM TUN,

SAYA RASA KALAU PAK LAH TIDAK MELETAK JAWATAN P.M DI BULAN MARCH AKAN DATANG DATANG, NESCAJA B.N AKAN BERKUBUR DALAM MASA 4 TAHUN LAGI. PERGARUH TINGKAT EMPAT ADALAH SATU SEBAB YANG MENYEBABKAN PAK LAH TIDAK DISENANGI OLEH PEMIMPIN UMNO YANG LAIN. KERANA ANAK MENANTU BELIAU(KJ) YANG MENJADI DALANG KE ATAS SEGALA KEPUTUSAN FILP-FLOP YANG DIPUTUSKAN OLEH PAK LAH.SAYA HERHARAP ANAK TUN AKAN MEMENANGI KERUSI PEMUDA UMNO PADA PEMILIHAN UMNO BULAN DEPAN.DAN SAYA BERHARAP MUHYIDDIN YASSIN AKAN MENANG SEBAGAI TIMBALAN PRESIDEN NANTI.JIKALAU CALON CALON YANG DIPILIH OLEH UMNO PADA BULAN DEPAN TERDIRI DARIPADA CALON CALON YANG MEMPUNYAI REKOD YANG BURUK DAN TIDAK DIHORMATI OLEH RAKYAT,MAKA MEMANG DAH MENJADI SURATAN UNTUK UMNO BERSIAP SEDIA UNTUK BERKUBUR DALAM MASA EMPAT TAHUN LAGI. SAYA TAK TAHULAH TUN APE NAK JADI DENGAN UMNO INI.UMNO SEOLAH-OLAH TIADA PRINSIP DAN INTEGRITI UNTUK MEMILIH YANG BAIK DAN MENOLAK YANG BURUK.KITA TUNGGU SAJALAH BULAN MARCH DEPAN.

NOW PLAYING : METALLICA - AND JUSTICE FOR ALL
By jali_manAuthor Profile Page on February 16, 2009 8:30 PM

Dear Tun,
salam....
memang saya menyokong tun..

sedih bila terkenang para pejuang yang memerdekakan malaysia.....

melayu mudah lupa.....
By parchyAuthor Profile Page on February 16, 2009 8:39 PM

di dunia tingkat empat, di 'sana' tingkat berapa
ngeh ngeh ngeh
By BeanAuthor Profile Page on February 16, 2009 8:42 PM

Assalamualaikum Tun

Dah lebih 40 dilahirkan di Malaysia inilah pertama kali berbicara dengan Tun komen saya - Apa yang saya lihat dengan mata & kepala saya sendiri - Orang Melayu memang rambang mata .. Agama Islam yang dianuti seolah - olah bagaikan 'tiada' bila kuasa ditangan mereka. Itu sebab RASUAH, TIDAK AMANAH dan sebagainya begitu sukar dibendung. lebih malang lagi jika ianya terjadi di peringkat tertinggi.

Saya ingin berkongsi dengan Tun pesanan arwah ayah saya - Katanya "Di.. kalau engkאו cuba nak makan DUIT RASUAH cubalah makan daging babi .. kalau engkאו ia 'HALAL' berikan juga pada anak & bini ko... mudah - mudahan keturunan ko 'diberkati Allah'.

Walaupun arwah ayah saya tidak bersekolah tapi ia mampu 'memegang kepala Dato Onn' - kerana dia hanya seorang Tukang Gunting rambut aje ..

Wassalam

By gudgirlAuthor Profile Page on February 16, 2009 8:49 PM

Salam tun.. Dunia dah terbalik tun.. benda betul jadi salah dan yang salah jadi betul..Moga Tuhan menimpa azab kepada para pemimpin yang tidak berlaku adil. Amin..

By kamal ahmadAuthor Profile Page on February 16, 2009 8:54 PM

Salam kasih dan hormat Ayahanda Tun.

"Mungkin ada antara ahli UMNO yang menentang kuat dan bercadang untuk mengadakan undi tidak percaya dalam parti atau dalam Parlimen. UMNO boleh ditangani melalui cara biasa. Jika terpaksa hilang berjuta pun tak mengapa kerana kuasa Tingkat Empat boleh menampung dengan punca-punca yang sudah ada. Apa gunanya wang jika kuasa untuk mendapatnya sudah hilang?"

Exactly Tun. Power is nothing without control. It's the Pirelly tag line and it may after all, be theirs just as well. A horrifying notion Tun. But I somehow still believe that Pak Lah would keep to his words. I know that I have criticized him plenty, but I also know that he keeps to his words. However, like what you have mentioned - it's the voice of others we should be duly concerned with. Especially the 4th Floor boys who would soon be rich street punks after the power transfer. Now, they - I worry. And I worry when I know how easily swayed the PM could be to them. He may keep to his words, but he may not have the political will power to see it through. So in the end, it would be exactly the scenario you've mentioned above Tun. This is indeed a cause for concern.

By kimoAuthor Profile Page on February 16, 2009 8:56 PM

Salam Tun.

Rantainya kuasa jika tidak dikendalikan atau dicantas akan terus kekal keadaannya malah makin kukuh dan kental. Ibarat seseorang mengikat tali pada batu besar dan ditolak ke laut. Dia juga akan terus terheret sama ke laut atau ke mana sahaja batu itu jatuh; melainkan tali itu dicantas atau diputuskan. Bagaimana hendak pisahkan orang itu daripada batu besar tersebut? Pecahkan batu atau cantas talinya? Mana tindakan yang lebih baik dan terpuji? Mungkin Tun lebih arif sebagai orang yang sangat berpengalaman dan berpengetahuan dalam politik. Semoga Tun sentiasa sihat dan sejahtera.

By azmanyAuthor Profile Page on February 16, 2009 9:01 PM

Zaman kegemilangan Melaka tamat 500 tahun dahulu apabila terdapat pembesar Istana yang tamak kan kuasa dan harta dan memberi informasi dan laluan kepada Portugis. Kerana pembelotan pembesar ini seorang, lebih 400 tahun tanah kita ini dijajah oleh asing.

Adakah kita akan biarkan sejarah berulang kembali? Memang tidak dapat disangkal lagi banyak pembesar kita sekarang yang tamak haloba. Tapi seorang itu sahaja yang kita bimbangkan. Kita sudah lihat satu bekas bintang yang kini memporak-perandakan negara kita apabila cita-cita beliau untuk berkuasa tidak berjaya. Beliau bukan mencintai negara, seperti mana juga ketua Tingkat Empat a.k.a

ketua Budak Hitam ini.

Sebagai rakyat biasa, kita harus membuat bising dan menentang pakatan jahat mereka. Seperti mana kita menentang Labu Labi dan kes-kes yang senama dengannya.

By hanifAuthor Profile Page on February 16, 2009 9:03 PM

Salam Tun,

Nampaknya dalam kegawatan ekonomi yang hebat melanda ni pun, hebat lagi putaran ganas politik di Malaysia. PRK KT dan aksi lompat katak di Perak nyata menenggelamkan kisah nasib rakyat Malaysia yang ditimpa duka kehilangan pekerjaan bagi mendapatkan sesuap nasi untuk diri dan keluarga di bumi yang serba kaya dan dirahmati ini.

Kesungguhan Tun dalam memastikan pengakhiran karier politik Pak Lah sebagai PM Malaysia amatlah saya fahami dan setuju.

Namun Tun, peralihan kuasa yang bakal berlaku ini tidaklah menjanjikan harapan yang lebih baik sekiranya pemimpin yang baru dari golongan bangsawan tidak dapat menginsafi dan merasai kesusahan rakyat kebanyakan. Ditambah dengan ahli politik yang kebanyakannya kurang berpotensi dan tiada jati diri mahupun idea dan inovasi sebagai bekalan diri. Jauh sekali hendak menyatukan rakyat Malaysia yang majmuk ini.

Apalah yang mampu saya katakan dan harapkan lagi?

HAMPA!

Hari ini saya tonton buletin utama, masih dengan kisah orang terkaya di Malaysia dan nilai harta-hartanya. Apalah erti kekayaan sebilangan mereka kalau rakyat kebanyakan gundah gulana memikirkan untung nasib menyara diri dan keluarga.

Duit RM10 kalau berpindah ke 10 orang dalam masa sehari nilainya jadi RM100. Tapi, kalau RM10 simpan dalam poket, sampai bila-bilapun RM10 lah ia.

Tolonglah lihat masalah jurang pendapatan dan kekayaan yang keterlaluan ini.

Lihatlah masalah lambakan pekerja asing yang dibawa masuk sewenang-wenangnya dengan pelbagai alasan yang tidak boleh diterima.

Ada jawapan?

HAMPA!

By trgkiteAuthor Profile Page on February 16, 2009 9:04 PM

A'kum Tun....

Harap ini hanya rekaan orang-orang tertentu saja. Kalau betul jadi begitu maka musnahlah negara bangsa yang begitu susah payah pejuang sejati masa lampau bangunkan. Minta dijauhkan Allah musibah kepada negara tercinta..Meruntuhnya memang senang tapi payah untuk berdiri semula.

By HOT ZOOMAuthor Profile Page on February 16, 2009 9:05 PM

Salam Tun,

Makin lama makin bergegar arasy Istana kat putrajaya tu nampaknya.

Harap-harap jangan sampai hancur sudahlah.

biar apa pun utamakan rakyat. Rakyat yang pilih anda dan anda wajib pedulikan rakyat bukan pedulikan perut sendiri.

Aduhhhh...apa nak jadi ni. Risau saya kalau gini.

Memang panassssssssss macam <http://zoompanas.blogspot.com> no le.

By kamal ahmadAuthor Profile Page on February 16, 2009 9:05 PM

Correction Tun. Come to think of it really, you may be right on the point. Perhaps he has changed. At least on three counts he had said something else and just went and did differently - that's in my book Tun. I guess now he is plainly capable of backtracking on everything here. Power is nothing without control. And control is nothing without power. Those two lines, leaves for nothing much else in the middle. It is a cause for concern.

By maradona_magobaAuthor Profile Page on February 16, 2009 9:06 PM

YABhg Tun,

Teruk betul orang-orang tingkat empat tu rupanya, langsung tak makan saman dan takda ke rasa malu kerana terlalu gelojoh dan tamak mengumpul kekayaan seumpama itu. Majoriti orang-orang Melayu tidak akan terima kalau sekiranya DSAB nak terus jadi PM cara itu. Bukan parti UMNO sahaja yang lemah tetapi kerajaan yang memerintah pun akan menjadi lemah lesu. UMNO perlu gagah dan bergerak ke hadapan untuk terus relevant ketepikan orang-orang yang hanya ada kepetingan diri atau kepinting kumpulan-kumpulan mereka sahaja. DSN perlu tegas dan berani untuk terus ke hadapan memulihkan keadaan negara kami pasti majoriti rakyat Malaysia terutamanya orang-orang melayu akan menyokong kepimpinan DSN. Untuk Tun, teruskan dengan hujah-hujah yang perlu disampaikan kepada kami rakyat biasa, kami perlukan input dari Tun. Kami perlukan dan sayangkan Tun untuk selama-lamanya.

By kamal ahmadAuthor Profile Page on February 16, 2009 9:14 PM

Salam Ayahanda Tun. Najib has little ammo to survive any real stand off. He knows that. Both of them knows that. And the 4th Floor Boys knows that better than the both of them.

By natta.chai4Author Profile Page on February 16, 2009 9:18 PM

assalamualaikum tun,

memang benar tun.penyanggak dan penyamun di tingkat empat peduli apa dengan nasib Rakyat.ramai pendatang yang sayang kat kerajaan Malaysia yang perihatin kat masalah pendatang dan perasaan negara jiran kat selatan kita.

Rakyat Malaysia tak pandai bersyukur,tak menghargai bantuan kerajaan.

depa dah study"character"Rakyat Malaysia...setakat bising kedai kopi je.cakap banyak,rasuah je Rakyat dengan diskaun tarif elektrik kah,diskaun minyak kah,rebek kah.garenti sonyap Rakyat .standard murah kita nie.

KALAU PAK LAH DAN KONCO-2NYA TAK BELAH.BAGUS KITA BUAT SEMBAHYANG HAJAT.ITULAH SATU-2 SENJATA YANG TINGGAL BAGI RAKYAT YANG TERTINDAS.

WAHAI SAUDARA-2 KU,MARILAH KITA BERSATU PADU DEMI AGAMA,BANGSA DAN NEGARA.PERCAYALAH,KITA AKAN TERKANDAS PADA TAHAP"OF NO RETURN".LEPAS TU TAK GUNA SESAL.NOW OR NEVER.

AYAHANDA TUN YANG DISAYANGI,BANTULAH KAMI RAKYAT NEGARA MALAYSIA.LEBIH BESAR MAJORITI YANG MENYOKONG TUN DARI YANG TIDAK.LEAD US DEAR TUN.

MOGA SENTIASA DIRAHMATI ALLAH S.W.T

By EthanAuthor Profile Page on February 16, 2009 9:21 PM

Tun,

U're right! Malaysia will be facing 2 huge risks (Political-internal risk, Financial Crisis-External risk) which can collapse Malaysia & I predicted Sabah & Sarawak & Penang will be out of Malaysia if the thing run out of control. In basic it won't happen, but sometimes thing will out of control if the problem mixed together!

<http://bursastreet.blogspot.com/>

By mgpunyaAuthor Profile Page on February 16, 2009 9:22 PM

YABhg Tun,

....yang saya tau ...EMPAT tu dalam bahasa Cina..maksudnya SII...
MATI...!!! and sir,....that's not a very good sign!!

By dinziAuthor Profile Page on February 16, 2009 9:25 PM

DYMM Agung telah memberi peringatan kepada YAB Abdullah supaya letak jawatan mesti berjalan lancar. Inilah tahap teguran tertinggi yang patut dididengar oleh ahli2 TINGKAT EMPAT. Adakah mereka akan menunjukkan PENDERHAKAAN kelak dengan terus memujuk & memaksa Pak Lah sambung kontrak PM....

Jika TINGKAT EMPAT mendengar dan faham kehendak DYMM Agung dalam ucapannya maka janganlah pulak menunjukkan PENDERHAKAAN setelah ada ahli2 nya sebelum ini berdemonstrasi menunjukkan taat setia kepada DYMM Sultan Perak tempohari...

Leave a comment

Sign in to comment on this entry.